



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**7 DISEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 307 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 235,724 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Keningau manakala masing-masing satu (1) kes di Kota Belud, Papar dan Ranau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 400 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 226,009 orang. Manakala 1,169 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 536 orang di hospital, 623 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 56 orang merangkumi 55 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 46 (28.40%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 22 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes harian kembali naik hari ini dengan 307 kes, 36 kes lebih tinggi daripada jumlah kelmarin. Kota Kinabalu juga kembali menjadi penyumbang utama kes harian di Sabah dengan 47 kes, pertambahan 9 kes daripada sebelumnya.
- b. Daerah Penampang mencatat 37 kes baharu, tambahan 18 kes, Ranau naik 12 kes dan Papar bertambah 11 kes. Tuaran turun 11 kes dan Putatan susut 22 kes. Lima (5) daerah, Kalabakan, Nabawan, Kunak, Kinabatangan dan Semporna tidak mencatat sebarang kes baharu.
- c. Sekali lagi semua lapisan masyarakat di peringatkan agar mematuhi semua SOP dan nasihat KKM, tidak kira sudah menerima vaksin lengkap atau sebaliknya. Ini lebih-lebih pada hujung tahun dimana ramai keluarga bercuti atau membeli-belah di tempat-tempat yang lazim dikunjungi ramai. Risiko jangkitan COVID-19 secara sporadik di tempat-tempat sesak amat tinggi dan ini dibuktikan dengan peratusan kes-kes sporadik hari ini yang mencecah hampir 44%. Hari ini juga hampir 75% kes-kes baharu adalah dikalangan mereka yang sudah lengkap divaksin.
- d. Daripada 307 kes hari ini, 295 orang pesakit adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dua (2) orang dalam Kategori 3, empat (4) orang dalam Kategori 4 dan dua (2) orang dalam Kategori 5. Empat (4) kes lagi masih dalam siasatan dan penilaian lanjut JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (148) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	135	43.97%
3	Kontak	148	48.21%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	24	7.81%
<b>JUMLAH</b>		<b>307</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (6 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 06/12/2021</b>	<b>Catatan Kes 07/12/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Penampang	19	37	+18
2	Ranau	8	20	+12
3	Papar	15	26	+11
4	Kota Kinabalu	38	47	+9
5	Kuala Penyu	3	11	+8
6	Tenom	6	12	+6
7	Pitas	4	10	+6
8	Sandakan	1	6	+5
9	Kota Marudu	7	11	+4
10	Tongod	0	4	+4
11	Lahad Datu	1	4	+3
12	Keningau	14	16	+2
13	Telupid	1	3	+2
14	Beluran	2	3	+1
15	Beaufort	17	17	Mendatar
16	Nabawan	0	0	Mendatar
17	Kunak	0	0	Mendatar
18	Semporna	0	0	Mendatar
19	Kalabakan	0	0	Mendatar
20	Kinabatangan	0	0	Mendatar
21	Putatan	33	11	-22
22	Tuaran	43	34	-9
23	Tambunan	11	4	-7
24	Kota Belud	23	17	-6
25	Tawau	10	4	-6
26	Kudat	9	6	-3
27	Sipitang	6	4	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>271</b>	<b>307</b>	<b>+36</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (23 November – 06 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	20	26	0	1	47	913
Penampang	0	20	17	0	0	37	435
Tuaran	0	26	7	0	1	34	690
Papar	0	7	16	0	3	26	334
Ranau	0	11	5	0	4	20	363
Kota Belud	0	5	9	0	3	17	443
Beaufort	0	5	9	0	3	17	287
Keningau	0	6	9	0	1	16	224
Tenom	0	9	3	0	0	12	174
Putatan	0	3	8	0	0	11	221
Kota Marudu	0	9	1	0	1	11	241
Kuala Penyu	0	9	2	0	0	11	177
Pitas	0	7	3	0	0	10	80
Kudat	0	2	3	0	1	6	151
Sandakan	0	1	5	0	0	6	100
Tambunan	0	1	1	0	2	4	87
Tawau	0	2	1	0	1	4	82
Sipitang	0	1	3	0	0	4	111
Lahad Datu	0	0	2	0	2	4	72
Tongod	0	0	4	0	0	4	41
Beluran	0	2	1	0	0	3	83
Telupid	0	2	0	0	1	3	37
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
Kunak	0	0	0	0	0	0	2
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	199
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	8
Nabawan	0	0	0	0	0	0	8
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>148</b>	<b>135</b>	<b>0</b>	<b>24</b>	<b>307</b>	<b>5,570</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,758 unit

- Hospital 1,337 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,931 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 24.57%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 07 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	304
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>307</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
India	3
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	300
Bukan Malaysia	7
<b>Jumlah</b>	<b>307</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	46
Belum Menerima Vaksin	31
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	230
<b>Jumlah</b>	<b>307</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1 to 5	14
6 to 11	27
12 to 17	35
18 to 25	32
26 to 59	147
>60	47
<b>Jumlah</b>	<b>307</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 06 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,135 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,953 orang adalah penduduk dewasa dan 182 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 06 Disember 2021 adalah seramai 2,442,662 orang. Ini meliputi 2,107,995 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.42% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,394,182 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,085,448 orang atau 75.60% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,667 orang atau 77.11% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 308,735 atau 71.14% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,681** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,702 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 46 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak lapan (8) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
  - Lapan (8) Orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 119 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,068 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau atas kesalahan premis tidak menyediakan alat pengimbas suhu dan pekerja gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon dalam buku pendaftaran. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Keningau.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 711 premis perniagaan dan 889 individu di 18 kawasan. Tujuh (7) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di S & A Sweet Corner Ent. Pekan Inanam (1 Orang), Money Gold Smith (1 Orang), SSA Agency Inanam (1 Orang), D & D Haor Saloon (1 Orang), Yu Chuin Bearing (Sabah) Sdn. Bhd. (2 Orang) dan Inanam Bas Terminal Fashion (1 Orang). Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik premis gagal memastikan pekerja mendaftar ke premis sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di Yu Chuin Bearing (Sabah) Sdn. Bhd.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 250 Premis Perniagaan melibatkan 157 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 71 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 118 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kudat	98.7%
2	Beluran	98.6%
3	Sipitang	98.6%
4	Ranau	98.6%
5	Tawau	98.6%
6	Tuaran	98.6%
7	Kota Kinabalu	98.6%
8	Keningau	98.6%
9	Kota Marudu	98.6%
10	Beaufort	98.6%
11	Kunak	98.6%
12	Kinabatangan	98.5%
13	Semporna	98.5%
14	Papar	98.5%
15	Lahad Datu	98.5%
16	Kota Belud	98.5%
17	Sandakan	98.5%
18	Penampang	98.5%
19	Tenom	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**